

ana  
MUSLIM

NOVEL  
GRAFIK  
ANA MUSLIM

# Misi MasterChef

Instafamous



Era Ishak

# Isi Kandungan

Bab 1: Cik Dibah

5

Bab 2: Pertandingan Renjer Puteri

16

Bab 3: Rahsia Menu DD!

30

Bab 4: Kek Coklat DD

42

Bab 5: Kejutan Kek Sihat Syahirah

54

Bab 6: Misi Syahirah Bermula

67

Bab 7: Baked Chicken Dan Cheesecake Sihat

78

Bab 8: Surprise!!!

90

Bab 9: Pertandingan Bermula

101

Bab 10: Muslihat Syahirah Terbongkar

113

Bab

1

„  
Cik

„  
Dibah

“Sekiranya kamu bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakal, nescaya Allah akan memberi rezeki kepada kamu seperti memberi rezeki kepada burung. Mereka pergi pagi hari dengan perut kosong dan pulang pada petang hari dengan perut kenyang.”

(Hadis Riwayat at-Tirmidzi)



## "Eh, itu budak baharu kan?"

bisik salah seorang pelajar di kantin.

"Yalah... Cik Dibah Debab namanya!" kedengaran seorang lagi pelajar berkata.

"Nama sebenarnya, Adibah!" kata seorang pelajar lagi.



Ya, nama pelajar baharu yang menjadi bualan pelajar-pelajar tingkatan dua itu ialah Adibah. Tetapi, kerana sudah terbiasa dengan gelaran Cik Dibah Debab di sekolah lama, Adibah mahukan nama itu dikenalkan.

Tetapi cukuplah hanya Cik Dibah sahaja. Gelaran Cik Dibah Debab itu diberi kepadanya kerana hobinya yang suka memasak. Ada sahaja menu baharu yang akan dimuat naik di instagramnya.

Kalau nak tahu, instagram Cik Dibah ramai followers sebab Cik Dibah rajin berkongsi resipi makanan dan cara membuat bento.




Adibah sekadar berdiam. Malu sebenarnya. Baru hari ketiga dia masuk ke sekolah baharu, dia sudah mula menjadi bahan mulut orang lain. Semuanya kerana badannya yang agak gempal. Sebab tubuhnya yang gempal jugalah gelaran Cik Dibah Debab diberi.



Berpindah dari bandar Kuala Lumpur ke Batu Pahat, Johor, bukanlah sesuatu yang mudah. Adibah terpaksa meninggalkan sekolah, cikgu-cikgu yang comel dan kawan-kawan vougenya. Paling sedih, Adibah tidak dapat lagi merasa nasi lemak daun pisang dan karipap oksigen di kantin sekolah lamanya. Sedapnya membuatkan setiap hari

Adibah akan menghabiskan dua bungkus nasi lemak dan lima biji karipap oksigen. Kenapa karipap tu digelar karipap oksigen? Sebab intinya cuma sedikit. Ops!



Di sekolah baharu, Adibah terpaksa memulakan sesi persekolahan pada hari Ahad. Sudahlah hari Ahad ada rancangan masakan '**Masak-masak Cik Diva**' kegemaran Adibah. Alamatnya, semua aktiviti yang Adibah gemari, terpaksa dilepaskan.


Hari ini, Adibah membawa bekal nasi ayam dari rumah. Sebaik sahaja meletakkan bekalannya di atas meja, wajah Puteri sudah tergamam. Puteri melihat nasi ayam Adibah yang dihias cantik.

# "MY GOD!"

"Cantiknya nasi ayam awak. Awak hiasnya menjadi *teddy bear*! Buah tomato ceri ini awak buat mata, hiris telur rebus awak jadikannya hidung, lobak merah yang dipotong bulat awak jadikannya pipi dan awak bentukkan nasi goreng ni bulat kecil untuk buat telinga! Suka, suka, suka!" Puteri berasa sungguh geram. Rasa nak dipeluk saja pinggan berisi nasi ayam itu.

**"Ini namanya bento..."** ujar Adibah yang mula rasa senang apabila hasil kerjanya dipuji.

"Saya tak suka makanan saya kosong saja," tambah Adibah lagi.



Puteri sudah terangguk-angguk faham. Bekalan Adibah benar-benar nampak menyelerakan!

**Pandainya awak! Mana awak belajar semua ni?**

soal Puteri lagi.

Belum sempat Adibah menjawab, Syahirah muncul sambil membawa pinggan nasi ayamnya. Sempat dia menjenguk nasi ayam Adibah apabila asyik mendengar pujian daripada Puteri. Kemudian Syahirah tersenyum sinis.

**"SETAKAT HIASAN MACAM BUDAK SEKOLAH RENDAH NI...  
SAYA PUN BOLEH BUAT!"**

kata Syahirah lalu duduk di hadapan Puteri. Alyana, rakan baik Syahirah juga berada di situ.

"Betul ke awak boleh buat, Syahirah?" soal Alyana yang pelik mendengar kenyataan rakan baiknya itu.



Syahirah menjeling ke arah Alyana di sebelah. Rasa geram pula dengan soalan Alyana. Terus dia bersiap sedia dengan sudu dan garpu untuk mula makan.

"Ha... Menu yang sama juga dengan Cik Dibah, nasi ayam. Tapi kenapa awak tak hias macam Cik Dibah?" soal Alyana.

**"EEE! MANA ADA BAHAN NAK BUAT.  
LAGIPUN SEKARANGINI SAYA DAH LAPAR!  
KALAU DI RUMAH, SAYA SELALU BUAT 'BETO' NI TAU!"**

kata Syahirah yang sedikit geram dengan sikap Alyana yang lurus bendul.

**"BENTO!"**

Adibah membetulkan kesalahan Syahirah. Syahirah yang baru sahaja hendak menyuap nasi ayam, memandang Adibah.

"Tadi awak sebut beto. Bukan beto... Bento!" Adibah membetulkannya sekali lagi.

Puteri yang berada di sebelah Adibah menekup mulut menahan ketawa.

### ALA... TERLUPA SEBUT HURUF 'N' JE!

Syahirah menjawab. Dia tidak mahu mengalah.

"Betul ke awak pandai buat bento ni, Syahirah? Sebut pun salah..." Alyana memandang Syahirah dengan ragu-ragu sambil membetulkan tudungnya.

Syahirah mengetap bibirnya. Terus dia membentuk matanya memandang Alyana di sebelah. Melihat mimik wajah Syahirah yang begitu, Alyana terus terdiam. Dia menarik pinggan makanannya lalu disuapnya ke mulut. Jika dia terus bersuara, tentu dia akan dimarahi.


"Puteri nak ke?" Adibah mempelawa makanannya kepada Puteri yang dari tadi asyik menjeling bentonya sahaja.

Puteri tersenyum lebar, menampakkan barisan giginya sambil mengangguk laju. Memang dari tadi dia

menunggu Adibah mempelawa. Hendak minta, terasa segan pula. Maklumlah, dia sendiri belum rapat benar dengan Adibah. Walaupun nasi ayam di kantin sudah menjadi menu hariannya, tetapi melihat hiasan bento membuatkan dia rasa seperti hendak bertukar pinggan dengan Adibah.

Adibah mendekatkan bekas makanannya ke arah Puteri. Masa itu, Syahirah ambil kesempatan untuk menjeling bento Adibah yang berbentuk teddy bear.

"Bento tu inspirasi diri sendiri ke?" Laju sahaja Syahirah bersuara memerli Adibah. Badannya yang agak gempal menjadi bahan utama usikan Syahirah. Adibah yang baru hendak menyuarap makanan, terhenti. Hatinya terusik.



Waktu pulang ialah waktu yang paling dinantikan oleh semua pelajar. Biasalah, nama pun pelajar. Waktu hendak mulakan pelajaran, semuanya kelihatan layu. Apabila tiba waktu pulang, semua kelihatan segar. Walaupun begitu, mereka masih bersemangat menuntut ilmu.

Syahirah dan Alyana berjalan menuju ke pagar sekolah. Mereka berdua hanya berjalan kaki sahaja. Rumah mereka hanya terletak di taman perumahan di hadapan sekolah. Tidak sampai sepuluh minit pun berjalan.

Ketika sedang berjalan, Alyana terlihat Adibah sedang menuntun basikal ke luar pagar bersama Puteri.

**"Tengok Cik Dibah tu! Comel je saya tengok. Pakai baju uniform renjer puteri..."** kata Alyana sambil matanya tidak beralih memerhatikan Adibah.

Syahirah yang mendengar berasa meluat.

**"SAYA PUN PAKAI BAJU RENJER PUTERI JUGA!  
TAK COMEL KE?"**

soal Syahirah dalam nada sedikit keras.

Alyana bermuncung.

"Tapi saya rasa Cik Dibah lagi comel banyak! Ha... Pandai buat bento bentuk *teddy bear* pula tu. Lagilah nampak comel!" Alyana masih memuji rakan baharunya itu tanpa menyedari bahawa Syahirah tidak menyenangnya.

"Kalau awak rasa dia comel, awak balik dengan dia sajalah!" Syahirah terus berjalan laju meninggalkan Alyana.

Bab  
2  
Renjer

## Pertandingan

## Puteri



Sebelum ke sekolah, Adibah sempat membelek telefon pintarnya. Sengaja dia mahu melihat ke laman instagramnya. Semalam, dia baru memuat naik gambar bento chicken chop yang dibuatnya.

**“OMG... 2,000 LIKES!”**

Adibah kelihatan teruja. Dia memang selalu berkongsi gambar makanan di instagram. Paling seronok apabila ramai rakannya yang like dan komen gambar makanannya. Kawan-kawan di sekolah lama pun masih terus berhubung dengannya melalui instagram. Jadi, hubungan mereka tidak terputus. Bukan sahaja dalam kalangan rakan-rakan, malah orang luar juga turut tertarik dengan makanan Adibah.



**'Rindunya chicken chop awak DD!'** komen salah seorang rakan baiknya di sekolah lama. Oh ya, DD adalah singkatan bagi nama Dibah Debab.

'Saya nak juga!' komen daripada Puteri pula.

Adibah tersenyum. Teringat bagaimana reaksi Puteri semalam apabila melihat bentonya. Jadi, hari ini dia bercadang hendak bawakan sesuatu untuk Puteri. Masa masih ada. Sempat lagi jika hendak menyediakan bahan-bahan.

"Okey, semua siap!" Adibah kelihatan teruja. Tentu Puteri suka.

"Dah siap ke, Dibah?" soal ibu yang juga sudah bersedia hendak ke tempat kerja.

"Dah, ibu!" Adibah tersenyum memandang ibu.


"Ibu, Dibah pergi dulu. Nanti lambat pula. Dibah tak nak cuci tandas!" kata Adibah sambil mencium tangan ibu. Sebagai balasan, ibu mencium pipi Adibah.

Setibanya di sekolah...

"Tadaaaa!" Adibah meletakkan sebuah bekas makanan di atas meja Puteri. Puteri yang tadinya sedang menahan rasa mengantuk, agak terkejut dengan kehadiran Adibah.

"Apa ni, DD?" soal Puteri. Adibah memandang Puteri dengan pelik apabila Puteri memanggilnya DD. Hanya rakan-rakan di sekolah lama sahaja yang memanggilnya dengan nama singkatan itu.

"Semalam saya stalk IG awak. Geram betul saya apabila tengok semua makelan yang awak buat. Lepas tu saya nampak kawan-kawan awak panggil awak DD!" kata Puteri sambil membayangkan gambar makanan di instagram Adibah. Namun, sebaik sahaja dia teringat bekal makanan yang diberi oleh Adibah, lantas dia kembali daripada lamunannya.



"Biar saya teka!" Puteri mengambil aroma dari penutup bekas makanan itu.

"Roti telur!" Pantas Puteri membuka bekas makanannya itu.



Puteri kelihatan sungguh teruja. Tepat tekaannya.

"Awak buat ke?" soal Puteri.

Adibah mengangguk sambil tersenyum.

"Suka, suka, suka!" Puteri sungguh teruja.

Menu yang diberi kepada Puteri hanyalah roti berintikan telur goreng. Yang menariknya, roti itu kelihatan amat lazat walaupun dihidang bersama hirisian sayur dan lobak yang dipotong mengikut bentuk. Ditambah pula dengan dua biji buah strawberi dan timun di bahagian tepi menaikkan seri warna. Sememangnya hidangan yang seimbang!

"Rajinnya awak ni, DD!" Puteri berasa sungguh terharu.

"Kan saya dah beritahu semalam, saya memang suka buat bento. Ha... Sebenarnya, saya memang suka memasak! Kalau sehari saya tak ke dapur, saya rasa hidup saya tak lengkap! Saya suka cuba pelbagai resipi baharu. Resipi campak-campak je!" ujar Adibah.



Puteri tersengih memandang Adibah. Dia sendiri tidak punya hobi yang tetap. Kerap kali bertukar. Senang kata, hobi Puteri berubah mengikut trend. Sekarang ni trend memakai tudung segi empat. Nak lebih 'hipster', orang akan sebut tudung square! Puteri pun tidak ketinggalan. Dia mempunyai banyak koleksi tudung itu. Di rumah, Puteri akan habiskan masa dua jam untuk

belajar menggayaikan tudung tersebut melalui *live video* yang dibuat oleh salah sebuah jenama tudung terkemuka di Malaysia. Selagi tidak mendapat gaya yang sesuai dengan dirinya, selagi itu dia tidak berpuas hati.

“Eh... DD! Baru saya ingat!” Puteri memandang Adibah. Melekat pula panggilan DD. Adibah pula tidak kisah. Lagipun DD lebih nampak *urban*.


“Ingat apa?” soal Adibah.

“Renjer Puteri ada buat pertandingan masakan tau!” Puteri tersenyum lebar memandang Adibah.

“Setiap peserta perlu buat satu menu makanan sihat. Temanya *healthy eating*. Siapa yang dapat like terbanyak, orang itu akan menang pertandingan ini!” Puteri semakin teruja.

“Bila pertandingan ni bermula?” soal Adibah.

“Minggu depan! Tapi... Penyertaan secara duo. Satu kumpulan ada dua orang... Dapat sijil tau!” Tambah Puteri lagi.



Adibah mengangguk. Langsung tidak memberi reaksi berminat.

“DD!” Puteri menarik lengan Adibah.

“Pertandingan ni tak lama lagi. Apa kata kita ikut serta, nak?” Puteri memandang wajah Adibah dengan penuh berharap agar Adibah bersetuju.

“Tak naklah. Saya cuma suka-suka je buat semua ni,” jawab Adibah.

"Awak pandai masak... Pandai pula nak menghias makanan. Lagi satu, awak suka muat naik video awak memasak di instagram," Puteri masih tidak berputus asa.

Adibah berdiam diri. Semasa perjumpaan renjer puteri semalam, tidak ada pula Cikgu Fara, guru penyelia renjer puteri memberitahu apa-apa tentang pertandingan ini.

**"TAK PAYAH FIKIR, DD!  
PELUANG NI UMPAMA EMAS  
TAU! CUBA AWAK BAYANGKAN,  
SATU SEKOLAH KENAL AWAK  
NANTI. FOLLOWER IG AWAK  
PUN AKAN BERTAMBAH! MASA  
INILAH AWAK KENA TUNJUKKAN  
BAKAT AWAK!"**

Puteri masih terus memujuk.

Adibah berdiam seketika. Sebelum ni pun dia pernah menyertai pertandingan *like* terbanyak untuk menghasilkan bento tercantik. Memang seronok. Walaupun

hanya mendapat tempat ketiga, tetapi Adibah tetap gembira. Hadiahnya pun masih disimpan. Kemudian, pejabat ayahnya pula adakan hari keluarga di Port Dickson. Antara acara yang diadakan ialah pertandingan memasak antara ibu dan anak. Adibah dan ibu tidak melepaskan peluang ini. Tetapi sayangnya, masa yang diberi terlalu singkat. Adibah dan ibunya tidak sempat menyiapkan hiasan makanan mereka. Walaupun tidak menang, tapi dia berasa seronok.

"DD... Nak tak?" Puteri memegang lengan Adibah.

"Jomlah... Saya nak kumpul sijil!" Puteri merayu sambil tersengih.

**"OKEY!"** Adibah mengenyt mata ke arah Puteri.

Syahirah yang duduk tidak jauh dari tempat Puteri dan Adibah, hanya mendengar. Dia mendengar dengan jelas setiap perbualan antara Puteri dan Adibah. Lama

dia mengetep bibirnya. Entah kenapa ada perasaan iri hati dan tidak senang terhadap Adibah.

"DD konon..." Syahirah mencebik, menyampah.

"Alyana... Rehat nanti awak teman saya jumpa dengan Cikgu Fara!" Arahan baharu daripada Syahirah kepada Alyana.

"Nak buat apa?" Alyana menyoal, pelik.

Namun Syahirah hanya mendiamkan diri. Ada sesuatu yang bermain dalam mindanya.



Adibah dan Puteri berjalan menuju ke bilik guru. Mereka mahu berjumpa dengan Cikgu Fara untuk mendaftarkan nama mereka bagi menyertai 'Pertandingan Healthy Eating'.

Sebaik sahaja masuk ke bilik guru, Adibah dan Puteri segera menuju ke meja Cikgu Fara. Nampaknya, Cikgu

Fara agak sibuk. Dia sedang menyusun buku-buku di atas mejanya.

**"ASSALAMUALAIKUM,  
CIKGU FARAI!"**

Puteri menyapa dengan sungguh ceria. Guru muda yang berkulit putih itu tersenyum memandang dua pelajarnya itu.



**"Waalaikumussalam..."**

Ini mesti nak daftar nama bagi menyertai pertandingan Healthy Eating tu kan?" Cikgu Fara menjeling manja sambil tangannya ligat membuat kerja.

"Macam mana cikgu tahu?" Puteri tersengih.

"Sebab tadi Syahirah dan Alyana pun baru sahaja daftarkan nama mereka. Baguslah kalau awak pun berminat dengan pertandingan ni. Bukan senang tau nak tarik orang makan makanan sihat ini!" ujar Cikgu Fara sambil menghulurkan borang penyertaan kepada Puteri.

“Syahirah dan Alyana pun masuk pertandingan ni juga?” soal Puteri yang agak terkejut. Setahuanya, minggu lepas Syahirah sendiri yang menolak perlawaan Alyana untuk menyertai pertandingan ini.

“Lekas isi borang ni! Awak berdua orang terakhir yang saya akan terima. Sebab pernyataan pun dah penuh,” Cikgu Fara membesarakan mata memandang dua pelajar itu.

Puteri mengangguk lalu terus mengeluarkan pen daripada kocek bajunya lalu mengisi borang yang diserahkan oleh Cikgu Fara tadi.

“Apa syarat pertandingan ini, cikgu?” soal Adibah yang dari tadi hanya tersenyum sahaja.

**Mudah! Makanan yang dibuat haruslah makanan yang sihat. Dah nama pun makanan sihat, kan!**

terang Cikgu Fara.



“Untuk elakkan daripada ada unsur penipuan dalam pertandingan ini, awak perlu sediakan menu di rumah. Kemudian, bawa ke sekolah dan hiaskan mengikut kreativiti. Seorang pelajar dari kelab fotografi akan ambil gambar makanan awak semua,” tambah Cikgu Fara lagi.



Puteri dan Adibah mengangguk sebagai tanda faham. Bagus juga cara Cikgu Fara itu. Jadi, tak akan ada orang yang ambil kesempatan dengan hanya menggunakan gambar daripada Mr. Google saja!



## Menu DD!

# RAHSIA




**"PELIK BETUL!"** Macam ada yang tak kena je..."

Puteri berpeluk tubuh sambil bersandar pada rak buku di perpustakaan.

Adibah yang sedang membelek buku itu tidak mengendahkan Puteri. Sejak mendaftar nama untuk menyertai pertandingan itu semalam, Puteri kelihatan sungguh runsing.



"Pelik kenapa?" soal Adibah apabila meletakkan buku yang dipegangnya di rak. Kemudian, dia mencari buku yang lain pula. Buku yang menjadi pilihan Adibah tentulah buku resipi. Mujur ada buku resipi masakan yang disediakan di perpustakaan. Itu pun dihadiahkan oleh seorang guru di sekolah itu.



**"Yelah... Tiba-tiba saja Syahirah dengan Alyana nak sertai pertandingan ini."**

Kali ini Puteri mendagu pula pada rak buku.

"Ala... Inikan pertandingan. Sesiapa pun boleh ikut serta," Adibah tidak mahu berburuk sangka.

"Mesti ada sesuatu. Awak tak kenal mak cik bawang tu! Cuba tengok Syahirah tu, ada ke gaya orang nak memasak?" ujar Puteri.

**EXCUSE ME! AWAK SANGKA MAK CIK BAWANG NI TAK TAHU MASAK KE?**



Tiba-tiba kedengaran suara seseorang dengan nada keras. Puteri terdiam. Suara itu cukup dikenalinya. Lantas dia menoleh ke belakang.

"Hai Syahirah... Alyana..." Puteri tersengih, serba salah. Adibah pula masih di rak buku. Masih sibuk menyelak buku mencari idea menu yang hendak dibuat nanti.

"Awak berdua pun masuk pertandingan itu juga ke?" soal Alyana.

Adibah mengangguk laju.

**"KALAU TENGOK DI IG AWAK, MESTI AWAK BOLEH MENANG, CIK DIBAH! SEBAB AWAK PANDAI MASAK MACAM-MACAM!"**

Alyana kelihatan teruja.

"Semua orang boleh menang. Awak pun ada harapan untuk menang," jawab Adibah.

Syahirah memandang Alyana. Geram sungguh dengan kawan lurus bendulnya itu. Ikkutkan hati, hendak saja dia melepaskan cubitan kuat di lengan Alyana. Biar Alyana sedar bahawa Alyana berada di pihaknya, bukan di pihak Adibah.

"Awak masak apa nanti? Kami masih belum ada idea lagi." Laju sahaja Alyana berkata.

**"EHEM! EHEM!"**

Syahirah berdehem memberi isyarat kepada Alyana agar tidak meneruskan kata-kata.

"Kan saya dah beritahu awak apa menu kita nanti," Syahirah memandang Alyana geram.

Alyana memandang Syahirah dengan mimik wajah yang pelik. Dia menggaru kepalanya yang tidak gatal. Bila masa pula Syahirah berbincang dengannya tentang menu makanan? Sedangkan Syahirah baru mengajaknya untuk menyertai pertandingan masakan semalam.

"Kita nak buat apa?" soal Alyana yang masih tertanya-tanya.

Syahirah terkemut-kemut hendak menjawab. Dia memandang sekeliling perpustakaan sehingga matanya tertumpu pada gambar kek di majalah yang dipegang oleh Adibah.

**KEK! AWAK LUPA KE YANG SAYA NI HANDAL BUAT KEK?**

Syahirah memberi jawapan dengan begitu yakin.

Makin berkerut wajah Alyana. Mimik wajah Alyana membuatkan Puteri dan Adibah menahan ketawa. Terasa lucu pula melihat dua orang sahabat di hadapan mereka itu.

"Sejak bila?" Berkerut dahi Alyana memandang Syahirah.

"Menu kita kan perlu berkaitan tema makanan sihat. Kek bukan menggemukkan ke?" soal Alyana yang betul-betul mahu kepastian daripada Syahirah.

"Eh, dahlah... Jom kita balik. Kita kena berlatih buat kek yang sihat!" tekan Syahirah sambil membesarakan matanya.

"Selamat mencari menu, DD!" Syahirah memandang Adibah dan sengaja dia menekan nama DD.

"Eh, mana awak tau nama DD tu? Ha... Awak stalk IG Cik Dibah ya?" Alyana mengangkat keningnya memandang Syahirah.

**"URGHHH! JALAN JELAH!"**

Syahirah mendengus geram.

"Jangan lupa bawa kek sihat awak Ahad nanti... Saya dan DD nak rasa juga..." Sempat Puteri mengusik Syahirah sebelum rakannya itu hilang dari pandangan matanya.

Sebaik sahaja Syahirah dan Alyana berlalu, Adibah dan Puteri terus ketawa. Dari tadi mereka menahannya.

"Kelakarlah Syahirah dengan Alyana tu..." kata Adibah sambil duduk di kerusi.

**"Kalau awak nak tau, Alyana tu lurus bendul orangnya!"** Lebih lurus daripada pembaris tau! Apa yang Syahirah cakap, semua dia ikut saja..." kata Puteri.

Adibah masih ketawa. Dia masih teringatkan riak wajah Alyana apabila Syahirah memberitahu hendak membuat kek.

**"Tapi hebat juga Syahirah tu... Dia nak buat kek sihat! Tentu SEDAP!"** Adibah seperti sudah terliur.

**"TRUST ME!"**

Tak akan ada kek sihat tu nanti!" ujar Puteri.

Puteri kenal sangat dengan perangai Syahirah. Pantang lihat orang lebih daripadanya. Mungkin juga kerana itu dia menyertai pertandingan memasak ini. Pasti dia tercabar kerana Adibah pandai membuat bento tempoh hari.

**DAH JUMPA MENU SIHAT KITA?**

Puteri kembali memberi tumpuan kepada Adibah di hadapannya.

"**Menu kita?**" Adibah tersenyum sambil mengangkat keping memandang Puteri.



## "TADA! BAKED CHICKEN WITH VEGGIES!"

"Menu yang sihat dan tak perlu keluarkan kos yang banyak untuk menyediakannya!" Adibah menunjukkan gambar menu pilihannya kepada Puteri.

"**OKEY!** Saya serahkan semuanya kepada awak, DD!" kata Puteri sambil mendepakan tangannya.

**"INI RAHSIA TAU! JANGAN BERITAHU SESIAPA..."**

Puteri bersuara perlahan seakan berbisik.

**"OKEY, BOSS!** Malam ni saya akan cari resipi. Mana tau, jumpa cara masak baked chicken yang lebih mudah," ujar Adibah lagi.



Puteri mengangguk. Tiba-tiba sahaja dia berasa yakin yang dia dan Adibah boleh menang dalam pertandingan ini. Dia benar-benar yakin kepada Adibah.

Sebaik sahaja Puteri dan Adibah berlalu keluar dari perpustakaan, pintu perpustakaan ditolak perlahan. Rupanya, Syahirah belum lagi pulang. Dia bersembunyi di balik pintu untuk mengintai dua rakannya itu.

Syahirah tersenyum lebar. Mindanya sedang merangka sesuatu yang nakal. Dia mahu pastikan menu Adibah tidak akan berjaya.

**"LA... DEKAT SINI LAGI RUPANYA.  
PUAS SAYA TUNGGU AWAK DI  
DEPAN!"**

Suara Alyana yang agak kuat membuatkan Syahirah terkejut. Lantas dia menekup mulut Alyana kerana Puteri dan Adibah belum pun berjalan jauh lagi.

**"CUBALAH BELAJAR  
BERCAKAP  
PERLAHAN SIKIT!"**

Syahirah merengus geram lalu melepaskan Alyana.

Alyana memandang di hadapan. Kelihatan Puteri dan Adibah sedang berbual dan ketawa sambil berjalan.

**AWAK MENGINTIP  
ADIBAH DENGAN  
PUTERI YA?!**

Syahirah bercekak pinggang sambil memandang tajam ke arah Alyana. Suara Alyana ibarat menggunakan mikrofon. Kuatnya hinggakan beberapa orang di dalam perpustakaan boleh mendengar dengan jelas perbualan mereka. Sehingga pustawan yang bertugas pada hari itu memberi isyarat untuk diam.

# KEK COKLAT DD



Hari ini, hari Ahad. Hari pertama persekolahan pada minggu baharu. Syahirah dan Alyana jalan bersama menuju ke kelas. Pagi ini mereka berdua tiba agak awal dari biasa.




Sebaik sahaja Syahirah dan Alyana melangkah masuk ke kelas, mereka berdua agak pelik apabila semua rakan mengerumuni meja di hadapan sekali. Alyana yang begitu ingin tahu apa yang berlaku, terus menuju ke arah rakan-rakannya.

## KENAPA SEMUA ORANG BERKUMPUL DI DEPAN NI?

soal Alyana sambil mencuit bahu Min Er, seorang pelajar berbangsa cina.

Min Er menoleh ke belakang. Dia yang sedang memakan sepotong kecil kek coklat, hanya tersenyum menampakkan barisan giginya yang dipenuhi coklat.



**"Alyana... Cepat ambil kek coklat ni. Kalau habis, awak rugi!"**

kata Min Er sambil menggigit kek coklatnya lagi.

### "MY FAVOURITE!"

Syahirah tidak dapat menahan rasa tergodanya terhadap kek coklat itu, lantas dia menyelit di

antara rakan-rakannya. Kalau lambat, habis!

"Saya nak juga!" Alyana juga tidak boleh tahan. Terus dia mengikut Syahirah yang sudah pun mengambil sepotong kek coklat.

"Sedapnya kek ni!" Syahirah memejam mata menikmati keenakkan kek coklat itu.

"Lembut pula tu!" tambah Syahirah lagi, tidak putus-putus memuji hingga dia sendiri tidak sedar yang dia sudah memakan tiga potong kek coklat. Untuk memuaskan rasa tekaknya, dia mencuit lebihan coklat cair di dalam kotak itu dengan jari lalu dijilatnya.

**"Siapa yang buat kek coklat ni?"** soal Syahirah sambil memandang rakan-rakannya.

**"SAYA!"** Terdengar satu suara berada betul-betul di belakangnya. Syahirah pantas menoleh. Wajahnya agak tegang, terkejut apabila melihat Adibah sedang tersenyum.

"Oooo... Jadi awaklah yang buat kek ni?" soal Alyana. Adibah mengangguk laju.

"Ambillah lagi... Ada lagi kek tu," kata Adibah.

Syahirah mengelap jarinya dengan tisu. Seleranya terus sahaja hilang apabila mengetahui bahawa Adibah yang membuat kek itu.

**"MANIS! BOLEH  
MENGGEMUKKAN!"**

Syahirah terus berlalu menuju ke tempatnya. Berubah air muka Adibah. Baru sekejap tadi Syahirah memuji kek coklatnya. Kini lain pula jadinya.

"Eleh, ada je yang tak kenal!" Puteri mencebik sambil menjeling ke arah Syahirah yang sedang meneguk air botolnya.

**"Hugnudzon sajalah... Agaknya  
memang manis... Lagipun  
Syahirah kan PANDAI buat kek..."**  
Adibah cuba berbaik sangka.

"Pandailah sangat!" Sengaja Puteri menekan pada perkataan pandai.

"Cik Dibah... Esok bolehlah bawa lagi ya," kata Alyana sambil tersenggih.

**"ALA... SAYA PUN BOLEH BUAT.  
SETAKAT CHOCOLATE MOIST! AWAK  
BUKANNYA TAK BIASA MAKAN KEK  
COKLAT YANG SAYA BUAT!"**

Syahirah tidak mahu mengalah. Dia juga mahu mengangkat dirinya setanding Adibah.

Alyana memandang Syahirah dengan dahinya yang berkerut.

**"BILA?"**

Alyana yang begitu lurus, terus saja bertanya.

Syahirah mengetap bibirnya. Geram dengan soalan Alyana. Seketika kemudian, Cikgu Fara yang mengajar subjek Bahasa Melayu masuk ke kelas. Semua pelajar kembali ke tempat duduk masing-masing.

"Assalamualaikum dan selamat sejahtera, Cikgu Fara!" ucap seisi kelas sambil berdiri tegak di tempat mereka.

"Waalaikumussalam... Kamu semua boleh duduk!" jawab Cikgu Fara sambil tersenyum memandang pelajar-pelajarnya.


Sebelum pembelajaran bermula, Adibah cepat-cepat bangkit. Dia membawa sebuah kotak kecil yang di dalamnya terdapat dua potong kek coklat kepada Cikgu Fara.

**"CIKGU, SAYA ADA BUAT KEK COKLAT. INI UNTUK CIKGU,"** Adibah meletakkan kotak kecil yang dipegangnya dengan berhati-hati ke atas meja guru.

Cikgu Fara kelihatan teruja. Terus dia buka kotak kecil itu. Senyumannya meleret hingga ke telinga.

"Tengok je pun dah tau sedap. Terima kasih, DD... Nanti saya makan..." ucap Cikgu Fara.

Terbeliak mata Adibah apabila mendengar Cikgu Fara memanggilnya dengan nama DD.



**"SAYA IKUTI IG AWAK. AWAK JE YANG TAK PERASAN. SAYA SUKALAH VIDEO-VIDEO MASAKAN AWAK ITU. TERUSKAN TAU!"**

Adibah tersenyum. Segan pula. Kemudian, dia terus berlalu ke tempat duduknya. Syahirah yang dari tadi memerhatikan Adibah, bertambah sakit hati. Entah kenapa serba-serbi tentang budak baharu itu, tidak kena di matanya. Hatinya geram!

**"DD KONON... KALAU MACAM TU NAMA SAYA SYAHIRAH SAIDA, BOLEHLAH GUNA SS,"** getus Syahirah sendiri.

**"Tapi SS tu kan maknanya syok sendiri. Sesuai juga dengan awak."** Alyana yang terdengar, berkata dengan jujur tanpa rasa bersalah.

Syahirah memandang Alyana dengan geram. Melihat wajah Syahirah yang sudah seperti singa lapar, terus dia menunduk.



"Baiklah, hari ni saya nak kamu semua tuliskan sebuah karangan berdasarkan tajuk yang saya tulis di depan. Kamu boleh berbincang dan sebelum waktu saya tamat, saya mahu kamu hantarkannya. Boleh?" Satu arahan tegas keluar daripada mulut Cikgu Fara.

**"Boleh cikgu!"** Seisi kelas menjawab dengan penuh semangat.

Alyana menyalin semula tajuk karangan di bukunya. Setelah itu, Alyana cuba memikirkan isi-isi penting yang boleh dihuraikannya. Alyana menoleh ke arah Syahirah yang fokus dengan kerjanya.

**"Syahirah, apa maksud implikasi?"** soal Alyana.

**"Saya baru saja nak salin soalan ni!"** Syahirah langsung tidak memandang Alyana.

**"Tapi awak tau tak maksud implikasi?"** soal Alyana sekali lagi.

Syahirah meletakkan pen yang dipegangnya ke atas meja lalu memandang Alyana di sebelah dengan tajam.

**"BOLEH TOLONG JANGAN KACAU SAYA NAK BUAT KERJA? KALAU AWAK TAK TAU, AWAK TANYALAH ORANG LAIN! SAYA TENGAH SIBUKINI!"**

Syahirah berkata perlahan, tetapi agak keras nadanya.

Alyana bermuncung. Dia memandang sekeliling kelas. Masing-masing sedang sibuk. Kemudian, dia menoleh ke belakang pula. Dia lihat Adibah yang duduk di bahagian belakang kelas, sedang memandangnya. Rupa-rupanya Adibah sedang memerhatikannya dari tadi.

## **"BIAR SAYA BANTU AWAK."**

kata Adibah lalu dia menuju ke tempat Alyana.

Melihat Adibah yang berada di situ, Syahirah terus berhenti menulis.

"Implikasi tu..." Adibah yang baru sahaja hendak membantu Alyana, segera dipintas oleh Syahirah.

**"Kesan atau akibat!"** Cepat-cepat Syahirah menyambung.

Adibah agak terkejut dengan tindakan Syahirah.

"Contoh ayat, implikasi makan kek coklat dengan banyak, boleh menyebabkan sakit dan peningkatan berat badan!" Sinis nada Syahirah.

Adibah terdiam.

"Saya rasa awaklah yang makan paling banyak tadi. Awak pilih potongan kek yang paling besar pula tu." Alyana memandang Syahirah.

Adibah menelan liurnya. Rasa nak ketawa pula mendengar kata-kata Alyana.

"Tak apalah, saya balik ke tempat saya dulu," kata Adibah lalu terus berjalan kembali ke tempatnya.

"Dia tu memang macam tu. Jangan layan sangat lah Syahirah tu," Puteri memujuk Adibah yang kelihatan bermuram.

Adibah memaksa diri untuk bersenyum. Namun, dia berasa pelik dengan Syahirah. Sejak dari dia masuk ke sekolah ini, Syahirah sudah menunjukkan perasaan kurang senang terhadapnya. Kenapa ya?

Bab  
5

# Kejutan KEK sihat Syahirah



"KORANG... SAYA ADA SESUATU  
UNTUK DIMAKAN BERSAMA!"



Syahirah menatang sebuah kotak kek sambil berjalan dengan gembira menuju ke hadapan kelas.

Alyana tidak menunggu lama. Menjadi teka-teki pula apa yang dibawa oleh Syahirah pagi ini.

**"WAH, CHEESECAKE!"**

Alyana kelihatan teruja. Bagai dalam mimpi pula. Inilah kali pertama Syahirah bawa makanan untuk dikongsi bersama rakan-rakan kelas yang lain.

Puteri yang berada di tempatnya, menyenggol lengan Adibah yang sibuk berborak dengan rakan lain.

"Tengoklah tul!" Puteri bermuncung menghala ke Syahirah. Lantas Adibah menoleh memandang ke hadapan.


**"MARI MAKAN CHEESECAKE"  
SAYA NI!**

Syahirah memanggil rakan-rakannya namun tiada sesiapa pun yang berganjak dari tempat mereka.

**"Cheesecake!  
My favourite!"** Adibah terus bangkit, namun Puteri lantas menarik tangan Adibah untuk duduk semula. Puteri menahan Adibah daripada menjadi orang pertama yang mengambil cheesecake Syahirah.

**"SYAHIRAH TU  
BANYAK MUSLIHAT!"**

kata Puteri.



"Betul cakap Puteri tul!" Jia Xin yang duduk di hadapan mereka, segera menoleh ke belakang memandang Adibah.

"Awak ingat tak kejadian tahun lepas, Puteri?" Jia Xin cuba mengingatkan Puteri tentang sesuatu.

Puteri berdiam sambil mengangguk. Kisah yang terjadi pada tahun lepas, Syahirah memberi seorang satu

coklat strawberi yang dibelinya dari Cameron Highland. Masing-masing ingatkan itu ialah cenderahati daripada Syahirah. Namun mereka silap. Setelah semua coklat itu habis dimakan, Syahirah datang mengutip bayaran dari satu meja, ke meja yang lain.

*“Tapi cheesecake itu favourite saya!”* Adibah terus sahaja ke depan tanpa menunggu lebih lama lagi.

## BOLEH SAYA AMBIL SATU?

Adibah tersengih memandang Syahirah.

*“Sure!”* Syahirah berpeluk tubuh sambil tersenyum sinis memandang Adibah.

*“Percuma ke?”* soal Ain, salah seorang rakan di kelas itu dengan penuh curiga.

*“Mestilah!”* Mendengar jawapan Syahirah, masing-masing di kelas mula mengerumuni kek yang dibawa Syahirah.

**“OH WELL... KALAU RASA TAK CUKUP, AMBILLAH LAGI. KEK NI MEMANG ADA LEBIH SEBAB SAYA TAU AKAN ADA YANG MAKAN BANYAK!”**

Sempat Syahirah memerli sambil mengembungkan pipinya, memerli Adibah yang bertubuh gempal.

Adibah terdiam. Niatnya untuk mengambil lagi sepotong segera dibatalkan. Kata-kata sindiran Syahirah itu hanya dibalas dengan senyuman lalu terus dia kembali ke tempatnya.


**“Awak ni tak seriklah. DD... Tengok. dia dah malukan awak tadi.”** Puteri menggeleng.

*“Semalam awak bawa kek coklat. Hari ni, Syahirah pula yang bawa kek. Nampak sangat dia iri hati dengan awak. Dia tu memang tak boleh tengok orang lebih daripada dia,”* kata Puteri lagi dengan wajahnya yang berkerut. Adibah pula masih berdiam.

**"MASYA-ALLAH... RASA CHEESE NI MEMANG MELEKAT DI TEKAK! KEK BAKE HOUSE CAFE NI MEMANG TAK DAPAT DITANDINGI!"** Alyana menikmati kek yang dibawa Syahirah itu sambil memejam mata.

**"EXCUSE ME! SAYA BUAT SENDIRI KEK NI TAU!"** Syahirah berkata dengan penuh angkuh. Suaranya pula sengaja dikuatkan. Dia mahu Adibah yang duduk di belakang mendengar dengan jelas.

Berkerut dahi Alyana memandang Syahirah.



"Saya tidur lewat semalam sebab nak siapkan cheesecake ni. Kan saya beritahu awak, saya ni pakar dalam membuat kek!" Kata Syahirah dengan riak wajah yang beria.

"Tapi, saya kenal kotak kek ni. Cara potongan dan rasa kek ni pun sama macam kek di Bake House Cafe!" Alyana berkata lagi.

Syahirah menoleh tajam memandang Alyana. Melihat riak wajah Syahirah, Alyana terus menekup mulutnya. Nampaknya dia tersilap kata. Cepat-cepat dia mengundur ke belakang. Takut gunung beripi meletus.

**"NI KE KEK SIHAT YANG AWAK AKAN BUAT NANTI?"** soal Puteri yang seakan mahu mengorek sesuatu daripada Syahirah.

"Betul tul!" Dengan yakin, Syahirah menjawab.

**"TAPI KEK NI TAK NAMPAK MACAM KEK SIHAT PUN,"** Puteri mahu mengumpam Syahirah lagi.

Syahirah terdiam. Mindanya ligat mencari jawapan agar dia tidak kalah dengan kata-kata Puteri.

"Sudah tentulah saya ada resipi rahsia saya. Nampak saja macam kek biasa, tapi bahan-bahan yang saya guna semuanya baik untuk kesihatan. Kek saya ni boleh siap dalam masa lima minit je! Tak perlu bakar atau kukus. Campurkan bahan, kacau dan terus masuk ke dalam bekas, siap!" Dengan penuh yakin Syahirah menjawab.

Minda Adibah seakan sedang ligat memikirkan kata-kata Syahirah. Teringin juga hendak tahu apakah resipi rahsia kek sihat Syahirah itu.

**"BOLEH TAK SAYA NAK MINTA  
RESIPI CHEESECAKE NI?  
PLEASEEEE..."**

salah seorang rakan kelas bernama Fatin memandang Syahirah sambil mengeripat mata berkali-kali.

Syahirah tersenyum puas. Nampaknya cheesecakennya sudah melawan kek coklat Adibah. Setakat ini, tidak putus-putus pujian yang diterimanya.

"Dah nama pun resipi rahsia. So, rahsialah!" Syahirah tersenyum puas.

"Rahsia atau sebenarnya awak tak tahu buat?" Puteri bernada perli.

"DD, awak tentu tahu resipi cheesecake kan? Apa kata kalau awak..." Lantas Puteri bertanya kepada Adibah. Namun, belum sempat Puteri menghabiskan kata-katanya, Syahirah cepat-cepat memintas. Tidak mahu kalah dengan Adibah.

"Resipi kek sihat saya adalah eksklusif! Tak ada dalam internet atau mana-mana buku resipi lain! Kalau awak betul nak, saya boleh beri, tapi ada syarat!" Syahirah berpeluk tubuh sambil mengangkat kening memandang Fatin.

"Apa syaratnya?" soal Fatin.

**"LIKE GAMBAR MAKANAN  
SAYA MASA PERTANDINGAN  
NANTI!"** Syahirah memandang Fatin sambil tersenyum sinis.

**"BERES!"** Fatin mengangguk laju sambil bersiap sedia dengan pen dan kertas.



**"BAHAN-BAHANNYA, TEPUNG,  
TELUR, SERBUK PERASA DAN SERBUK  
PENAIK. EMPAT BAHAN SAJA!"**

"Oh ya, jangan lupa letak pewarna!" tambah Syahirah lagi dengan penuh yakin.

"Pewarna? Saya tengok cheesecake ni putih saja. Warna apa yang awak letak?" Alyana terus bertanya sambil membelek sepotong kek yang masih di tangannya.

**KENAPA TAK ADA CHEESE  
PUN DALAM BAHAN-  
BAHAN AWAK TADI?**

Seorang lagi rakan di kelas bertanya.

**"Err..."** Syahirah mula teragak-agak hendak menjawab. Dia perlu mencari helah lain. Kalau tidak, tembelangnya tentang cheesecake ini akan pecah. Dia tidak mahu orang tahu kek itu dibelinya dari Bake House Cafe.

"Kan saya ada sebut serbuk perasa tadi. Serbuk perasa tu, serbuk cheese lah..." Syahirah masih tidak mahu mengalah.

**"HABIS TU, MANA BAHAN-  
BAHAN SIHAT YANG AWAK  
GUNA DALAM KEK NI?"** soal Fatin lagi.

"Ohh... Bahan-bahan yang saya guna semuanya bahan organik!"

**"HA?"** Semua di kelas memandang Syahirah dengan pelik.

Bab  
6

# Misi Syahirah Bermula



Alyana memerhatikan cheesecake dari rak cermin di Bake House Cafe. Kek itu memang sama seperti kek yang dibawa oleh Syahirah semalam. Rasanya juga sama. Dia memang tahu semua rasa kek di Bake House Cafe itu kerana dia salah seorang peminat kek di kedai itu.

**"CEPATLAH SIKIT PILIH KEK TU!"**

ujar Syahirah yang tidak suka menunggu lama.

Tiba-tiba, Syahirah terlihat Adibah dan Puteri sedang berjalan bersama. Nampaknya, arah jalan yang mereka tuju adalah ke mini market.





**"ALYANA, CEPAT!"** Syahirah tidak boleh sabar lagi. Terus dia menarik tangan Alyana menuju keluar dari kedai kek itu.

**"TAPI SAYA BELUM BELI KEK!"**

ujar Alyana yang terkejut dengan tindakan Syahirah.

"Kita nak ke mana?" soal Alyana yang pelik melihat Syahirah yang begitu kelam-kabut.

"Mini market! Mak saya kirim barang dapur!" Laju Syahirah menjawab.

Alyana berdiam. Dia hanya mengikut saja. Setibanya di mini market, Syahirah mengambil bakul. Kemudian, dia

bersembunyi di sebalik rak sambil mengintai Adibah dan Puteri. Alyana yang tidak mengetahui apa-apa, berasa pelik melihat gelagat Syahirah yang seperti sedang bermain sembunyi-sembunyi.

**"Barang apa yang mak awak kirim? Saya tolong carikan."** Alyana berdiri di depan Syahirah.

Melihat Alyana yang berada di hadapannya, terus Syahirah menarik tangan rakannya itu agar bersembunyi di sebelahnya.

**"JANGANLAH CAKAP KUAT-KUAT. NANTI ORANG DENGAR!"**

Syahirah meletak jari telunjuknya di bibir Alyana.

"Saya cuma nak tolong je." Suara Alyana masih kedengaran kuat. Syahirah menepuk dahinya.

"Sosej, sos, tepung serbaguna, roti... Ha, sayur-sayur sikit, telur... Awak ambil apa-apa sajalah. Semuanya mak saya akan guna." Syahirah nampak tidak keruan. Perhatiannya begitu fokus terhadap Adibah dan Puteri yang sedang memilih barang.



**"OKEY!"** Alyana berlalu untuk mengambil barang-barang dapur untuk mak Syahirah. Syahirah pula masih terus mengintip.

"Mesti mereka nak beli bahan untuk pertandingan tu nanti," kata Syahirah sendirian.

Setelah Adibah dan Puteri berlalu, Syahirah keluar dari tempat pengintipannya. Setiap gerak-geri Adibah dan Puteri diperhatikan dengan baik. Dia tidak mahu terlepas walaupun hanya bayang mereka berdua.

**"SAYA DAH AMBIL SEMUA BARANG YANG MAK AWAK NAK!"**

Satu suara yang sungguh kuat membuatkan hampir semua mata yang berada di situ memandang ke arah Syahirah.

Syahirah menoleh ke belakang. Alyana! Geram sungguh rasanya.

**"KAN SAYA SURUH AWAK CAKAP PERLAHAN-LAHAN!"**

Berkerut muka Syahirah menahan geram. Alyana pula berasa sungguh pelik dengan gerak-geri Syahirah. Dari tadi Syahirah terjenguk-jenguk, lantas Alyana memandang mengikut arah mata Syahirah. Ada Adibah dan Puteri di situ.

"DD, Puteri!" Alyana memanggil sambil berlari menuju ke arah dua rakannya itu.

"Eh, Alyana..." Adibah tersenyum.



Syahirah mengetap bibir menahan geram. Dia menghela nafas untuk terus bertenang. Kemudian, dia keluar dari tempat persembunyiannya dan berjalan menuju ke arah Alyana.

"Kami beli bahan untuk pertandingan memasak nanti. Awak berdua pun sama ke?" soal Puteri sambil menunjukkan bakulnya yang terdapat beberapa bahan masakan.

"Kami..." Alyana mahu menjawab. Namun cepat-cepat Syahirah memintas.

### **"KAMI PUN SAMA!"**

Troli yang berisi barang di tangan Alyana dirampas. Bakul kosong yang dipegangnya pula diberikan kepada Alyana.

"Bukan barang ni mak awak yang suruh beli ke?" soal Alyana sambil memandang Syahirah, pelik.

"Sekali la tu! Untuk contest tu pun ada..." Syahirah mengetap giginya sambil menjengilkan mata memandang Alyana. Alyana pula menggaru kepalanya yang tidak gatal. Terasa pelik pula.

**"TAPI SAYA TAK AMBIL CHEESE.  
AWAK KATA KITA NAK BUAT  
CHEESECAKE KAN?"**

**"Err... Ada lagi bahan buat kek saya di rumah. Buat apa nak membazir? Baki bahan buat kek pagi tadi pun masih ada!"** Berusaha Syahirah mencari jawapan.

Adibah menjenguk troli Syahirah yang penuh dengan bahan masakan. Rempah-rempah masakan pun ada.

"Tak apalah, kami pun dah siap. Kami nak balik dan cuba buat menu makanan ni dulu," kata Adibah sambil tersenyum.

"Oh ya ke... Samalah! Sekejap lagi pun Alyana datang rumah saya. Kami nak cuba buat cheesecake ni lagi." Syahirah tetap tidak mahu mengalah.

**EH, SAYA ADA KELAS  
MENGAJI SEKEJAP LAGI!**

Sekali lagi Alyana dikejutkan dengan rancangan mengejut Syahirah.

**"Kan saya dah beritahu awal-awal lagi! Ponteng sajalah!"** Syahirah mengetap bibir geram. Memang dasar lurus bundul.

"Tak apalah, Syahirah... Alyana... Kami nak pergi bayar barang-barang ni dulu," kata Puteri lalu terus menarik tangan Adibah.

Syahirah dan Alyana memerhatikan Adibah dan Puteri yang sedang beratur di kaunter.

"Syahirah, betul ke hari ni kita nak buat kek?" soal Alyana sekali lagi.

Syahirah memandang Alyana. Melihat rakannya itu, rasanya mahu ditelan hidup-hidup. Kemudian, dia melihat barang dapur yang diambil oleh Alyana.

**“TIBAN NI NAK BUAT APAS?”**

Syahirah memegang bungkus ikan yang sudah siap ditimbang dengan wajah yang berkerut.

**"Tadi awak kata ambil apa sahaja. Saya ambillah ikan ni!"** Kali ini Alyana pula yang berasa geram. Terus dia meninggalkan Syahirah sendirian di dalam kedai.



Syahirah menghela nafas berat. Dia memerhatikan sekelilingnya. Setelah dipastikan tiada sesiapa di situ, terus Syahirah meletakkan bakul yang sarat dengan barang-barang di satu sudut lalu dia berjalan laju meninggalkan barang-barang itu di situ. Namun, kala itu, rancangan nakalnya mula bersarang di minda. Syahirah berhenti melangkah. Dia dapatkan kembali bakul yang ditinggalkannya. Kemudian dia meneliti barang-barang yang diambil Alyana tadi. Beberapa barang dikeluarkan dan dia meninggalkan bahan-bahan yang sama seperti yang diambil oleh Puteri dan Adibah di dalam bakul sambil tersenyum sinis.

**"Kita tengok menu sihat yang awak akan buat, Cik Dibah!"** Syahirah berkata sendirian dengan riak wajah nakal.

**"CEPATLAH BAYAR BARANG TU! KATA NAK BUAT CHEESECAKE RUMAH AWAK. NANTI SAYA TERLAMBAT PERGI KELAS MENGAJI!"**

Alyana tiba-tiba sahaja muncul di situ. Seperti biasa, suaranya yang ibarat tertelah mikrofon itu membuatkan hampir gugur jantung Syahirah.



# Baked Chicken dan Cheesecake Sihat



"Akhir sekali, kita letakkan tomato dan baked potato di sini..." Adibah menyusun menunya dengan baik di atas pinggan. Puteri tersenyum lebar, teruja.



Adibah menolak pinggan berisi *baked chicken with veggies* ke hadapan Puteri.

"Senang je kan? Saya rasa lepas ni awak pun boleh buat," kata Adibah, tersenyum.



## "200% CONFIRM! KITA AKAN MENANG NANTI!"

Puteri nampaknya berpuas hati dengan air tangan Adibah.

"Amboi, yakinnya. Jangan lupa, kita ada ramai pesaing tau. Entah-entah mereka lagi hebat!" Adibah tidak muh terlalu mengharap. Tujuan dia menyertai pertandingan ini pun sekadar suka-suka.

**"Tapi kan... saya rasa macam tak sedap hatilah..."**

Wajah Puteri berubah muram. Bagaikan ada sesuatu yang merunsingkannya.

"Tak sedap hati kenapa pula?" Adibah memandang Puteri, pelik. Sesekali matanya menjeling ke arah baked chicken di atas meja makan. Terasa lapar pula melihat hidangannya itu.

**"Dari hari tu saya perhatikan Syahirah. Macam ada yang tak kena dengan dia tu."** Puteri meluahkan apa yang dirunsingkannya.

"Tentang Syahirah ke? Alah, kita buat tak tahu sajalah. Yang penting misi kita berjaya," Adibah cuba memujuk rakannya itu.



"Dia tak boleh orang lebih daripada dia. Awak nak dengar satu cerita tak?" Puteri menarik tangan Adibah agar duduk di sebelahnya. Adibah hanya menurut. Tapi tumpuannya lebih kepada menu yang dihasilkannya. Tak sabar pula dia hendak merasmikan ayamnya itu.

"Fatin, budak kelas kita tu, beli bekas pensel jenama Smidgle. Harganya RM49.90. Syahirah nampak, dia tak boleh duduk diam. Petang tu juga dia ajak mak dia beli bekas pensel Smidgle yang lebih mahal!" Beria-ia Puteri bercerita sambil membuat gaya tangannya.

Adibah sengaja membuat mimik wajah terkejut mendengar cerita Puteri. Sebenarnya, bukannya dia tidak mahu ambil tahu perihal Syahirah. Tapi baginya, biarlah Syahirah dengan dunianya sendiri.

"Ada lagi satu..." Puteri masih hangat bercerita. Adibah pula nampak tidak senang duduk. Terasa panjang pula cerita Puteri.

# "PUTERI!"

Adibah memintas cerita Puteri.


"Tak baik kita bercerita tentang Syahirah tu. Kita pun dah berjaya buat menu kita ni kan. Jadi, apa kata kita makan dulu!" Adibah mahu cuba menenangkan emosi Puteri yang mula tidak stabil jika nama Syahirah mula bermain di mindanya.

Puteri bermuncung. Dia berpeluk tubuh sambil memerhatikan Adibah memotong dada ayam dengan pisau.

Nampak menyelerakan pula. Lebih-lebih lagi apabila ayam itu masih panas. Setelah Adibah menyediakan hidangan buatnya, Puteri tidak menunggu lama. Suapan pertama berjaya dikunyahnya.

# "SEDAPLAH!"

Puteri terus menyuarap lagi isi ayam ke mulutnya. Kali ini dia makan bersama salad dan Kentang Bakar.



Sementara itu, di rumah Syahirah...

"Masukkan tepung gandum..." Syahirah memberi arahan kepada Alyana. Alyana pula hanya menurut. Sesekali matanya menjeling ke arah jam di dinding. Setengah jam lagi pukul lima petang. Pukul 5.30 ini dia perlu menghadiri kelas mengaji bersama Ustazah Yantie.

# LAMA LAGI KE SYAHIRAH?

soal Alyana yang tidak boleh menunggu lagi.



**"Sikit je lagi ni. Sekarang ni masukkan kepingan keju tu."** kata Syahirah lagi sambil tangannya laju mengacau adunan.

Alyana hanya menurut. Dia mengambil lima keping keju di atas meja lalu dimasukkan ke dalam manguk adunan yang dikacau Syahirah.

## **"BETUL KE INI RESIPINYA? MACAM PELIK JE..."**

Alyana mula berasa was-was sambil memerhatikan bahan-bahan lain di atas meja yang masih menunggu giliran untuk masuk ke dalam adunan. Tepung saja masih ada lagi dua jenis di atas meja. Tepung beras dan tepung jagung.

**Di kelas tadi, awak sebut empat bahan saja. Ni sampai dekat sepuluh bahan. Betul ke awak tau buat kek sihat ni, Syahirah?**

Berkerut wajah Alyana memandang Syahirah yang beria-ia mengacau adunannya.

"Tak kan saya nak beri resipi penuh kepada orang lain..." Seperti biasa, Syahirah tidak pernah gagal untuk menjawab. Tetapi sebenarnya, resipi kek yang diadunnya itu adalah resipi ciptaan sendiri. Resipi yang direka berdasarkan mengikut logik sahaja.

"Tepung beras ni... Awak nak masukkan juga ke? Mama saya cuma guna tepung beras ni apabila dia nak goreng pisang je..." Alyana memegang bungkus tepung beras sambil memandang Syahirah dengan wajah yang pelik.



**"Jangan banyak cakap boleh tak? Masukkan semua tepung tu dalam adunan ni. Dah nak siap dah nil!"** Syahirah mengarah lagi.

Alyana sekadar menurut. Dia terus memasukkan tepung jagung dan tepung beras ke dalam adunan Syahirah. Selepas itu matanya memandang ke arah jam sekali lagi. Semakin tidak keruan dibuatnya.

"Sekarang, kita masukkan ke dalam loyang dan kukus. Lima minit saj!" kata Syahirah dengan penuh yakin.

Alyana mengeluh. Entah berapa lama lagi dia perlu menunggu sehingga kek sihat ini siap pun dia tidak tahu. Kalau dia kata mahu pulang, tentu Syahirah akan marah.

Masa terus berlalu. Alyana berpeluk tubuh sambil memerhatikan jam di dinding dapur rumah Syahirah. Rasanya sudah lebih lima minit. Kek yang dibuat oleh Syahirah masih belum siap dikukus lagi. Akhirnya Alyana tidak boleh menunggu lama. Dia terus membuka penutup pengukus.

Alangkah terkejutnya Alyana apabila melihat adunan kek sihat di dalam pengukus berubah warna.

**"SYAHIRAH... AWAK KATA KEK AWAK NI BOLEH SIAP KUKUS DALAM MASA LIMA MINIT JE. NI DAH DEKAT LIMA BELAS MINIT TAU!"**

Macam tak jadi je resipi awak ni," Alyana mula berasa ragu-ragu dengan Syahirah.

"Tunggulah sekejap lagi!" Syahirah mula kelihatan serba-salah.



Alyana yang masih berasa was-was, terus mencuci sedikit adunan kek itu dengan menggunakan jarinya lalu dirasanya dengan lidah.

"Puihhhh! Kek apa ni Syahirah? Tak rasa macam cheesecake sihat yang awak bawa tadi!" Alyana terus mencuci lidahnya dengan air di sinki.

**"Sudahlah... Saya nak balik dulu. Saya ada kelas mengaji. Kalau kek sihat awak dah siap, beritahu saya!"** Alyana kelihatan gopoh-gapah. Dia tidak boleh bersabar lagi lantas terus berjalan pulang meninggalkan Syahirah sendirian di dapur.

**"Tak apa... Saya akan tunggu sehingga kek saya siap!"** kata Syahirah lalu dia ke ruang tamu menonton televisyen sementara menunggu cheesecake sihatnya siap dikukus.

Empat puluh lima minit kemudian...



# "SYAHIRAH!"

Suara Puan Hasnah, emak Syahirah memanggil kuat dari dapur.

**"Kek apa yang kamu buat ni?  
Keras macam batu!"** Sambung Puan Hasnah


lagi.



# "TiDAK!"

Syahirah menjerit sekuat hati.

Surprise!!!



Surprise!!!

Hari ini, hari Jumaat. Hari di mana peserta renjer puteri yang terlibat dalam Pertandingan Healthy Eating perlu membawa menu makanan mereka yang sudah siap sedia dimasak dari rumah, untuk diambil gambar. Segala hiasan makanan juga akan dibuat di sekolah.

Semua peserta berkumpul di dalam bilik kelab fotograf. Masing-masing sudah memulakan tugas menghias menu mereka mengikut kreativiti masing-masing. Begitu juga dengan Adibah dan Puteri.

**"DD... SAYA TENGOK KUMPULAN LAIN SEMUA HEBAT-HEBAT. CUBA AWAK TENGOK KUMPULAN SEBELAH KANAN KITA NI,"**

sempat Puteri berbisik sambil menyenggol lengan Adibah yang begitu khusuk menyediakan makanannya.

**"Chill, Puteri. Sekarang ini kita jangan flkirkan orang lain. Apa yang penting kita siapkan menu kita dulu."** balas Adibah.



Surprise!!!

Adibah langsung tidak menoleh ke kiri dan kanan. Jika dia melihat pesaing yang lain, tentu dia juga akan gelisah seperti Puteri. Sekarang ini, dia hanya perlu yakin dengan diri sendiri.


**“Ehem! Tak siap Lagi ke?”**

soal Syahirah yang tiba-tiba sahaja berada di situ.



Surprise!!!

Puteri dan Adibah segera menoleh ke arah salah seorang pesaing sengit mereka itu. Di tangan Syahirah terdapat pinggan yang berisi kek yang digelar Syahirah sendiri sebagai kek sihat.



**“Sekejap lagi  
siaplakk... Awak  
tu, dah siap ke?”**

Jawab Puteri yang kurang senang dengan kehadiran Syahirah di situ.

“Oh, lupa pula. Kek saja kan... Tak perlu pun hiasan,” Puteri menjawab sendiri soalan yang ditanyanya tadi.

Syahirah menahan diri daripada menjawab. Geram pula mendengar kata-kata Puteri. Lantas dia berlalu dari situ menuju ke satu sudut yang agak tersorok. Di situ terdapat bekas makanan yang hampir serupa dengan hidangan Puteri dan Adibah. Cuma hiasan dan cara memasaknya sahaja yang lain. Bahagian dada ayam dibakar dengan minyak yang banyak. Salad dan tomato pula dibakar sehingga kelihatan layu. Cheese pula diletak ke dalam sebuah mangkuk kecil sebagai pencicaht untuk dimakan bersama ayam dan salad.

Tidak lama kemudian, Liew muncul di tempat Syahirah. Liew merupakan pelajar dari kelab fotografi yang bertanggungjawab untuk mengambil gambar menu makanan pada hari ini. Syahirah kelihatan sungguh berhati-hati. Matanya memerhatikan rakan-rakan lain. Dia mahu memastikan agar tiada sesiapa yang memandang ke arahnya pada ketika itu.

### **"AWAK TAU APA YANG AWAK PERLU BUAT KAN?"**

Soal Syahirah lalu menghulurkan hidangan makanan yang sama seperti menu Adibah dan Puteri, kepada Liew.

Liew mengangguk. Kelmarin, Syahirah sudah pun menerangkan tugas yang perlu dilakukannya. Pada mulanya Liew tidak mahu. Tetapi, apabila Syahirah mengugut mahu menyebarkan gambar Liew yang didenda berdiri di luar kelas sambil memegang kedua telinga tempoh hari, Liew segera bersetuju. Liew perlu menjaga prestasinya sebagai pengawas di sekolah itu. Jika gambaranya yang didenda tersebar, tentu pelajar lain tidak akan hormat kepadanya sebagai pengawas lagi.

Liew tidak menunggu lama. Dia terus berlalu membawa menu makanan itu.

**"Makanan siapatu, Syahirah?"**  
soal Alyana yang tiba-tiba sahaja muncul di situ.

Syahirah yang sedang memerhatikan Liew, agak terkejut dengan sapaan Alyana. Suaranya yang kuat membuatkan semua pelajar lain segera menoleh ke arah mereka.

### **"Boleh tak bagi salam dulu?"**

Syahirah mengetep bibir.

**"OH, ASSALAMUALAIKUM,  
SYAHIRAH!"**

Alyana tersenyum girang sambil tersenyum memberi salam kepada Syahirah. Suaranya yang kuat membuatkan semua yang berada di situ memandang ke arah mereka lagi.

**"Ya Allah, kenapalah saya diberi kawan yang suara mengalahkan speaker pasar malam ni?"** Syahirah mendengus geram.

Alyana mencebik. Ada saja silapnya di mata Syahirah. Pada mulanya, dia mahu merajuk, tetapi sebaik sahaja matanya terlihat sebuah kek di atas meja, Alyana kelihatan teruja.

**"INI KEK SIHAT KITA KE? AWAK BERJAYA BUAT?"** soal Alyana.

"Tentulah! Kan saya dah beritahu yang saya ni pakar membuat kek. Awak je yang tak percaya!" jawab Syahirah sambil berpeluk tubuh.

Alyana memerhatikan kek itu dengan teliti. Alas kek itu juga diperhatikan. Dahinya berkerut. Bentuk kek itu sama seperti kek di Bake House Cafe. Untuk memastikan bahawa firasatnya betul, Alyana mengangkat bekas kek itu lalu dijenguknya di bahagian bawah.

**"Awak tengok apa tu?"** Soal Syahirah yang cepat-cepat menghalang tindakan Alyana.

"Kek ni..." Alyana mula berasa ragu-ragu namun kata-katanya tidak dihabiskan. Takut pula Syahirah bertukar menjadi singa di situ.

Tidak lama kemudian, Cikgu Fara muncul. Dia tersenyum melihat kesungguhan peserta-peserta Renjer Puteri yang berada di bawah naungannya menyediakan makanan mengikut tema *healthy eating* dengan bersungguh-sungguh.

"Siapa yang dah bersedia, boleh ke bilik sebelah. Bawa makanan kamu sekali ya. Kita boleh mula ambil gambar sekarang. Selepas selesai semuanya, saya akan muat naik gambar-gambar makanan kamu di facebook sekolah kita. Jangan lupa sediakan resipi sekali!" ujar Cikgu Fara.

Puteri yang mendengar kelihatan sungguh gementar. Melihat kumpulan pertama membawa makanan mereka untuk diambil gambar, membuatkan Puteri semakin tidak senang duduk.

**"AKHIRNYA... SIAP!"**

Surprise!!!



Adibah menghela nafas lega. Puteri di sebelahnya pula tersenyum memandang menu kumpulannya yang siap dihias.

**"CANTIK!"** Macam makanan di hotel lima bintang! Puteri sungguh berpuas hati dengan hasil air tangan Adibah.

**"Gementar lagi tak?"** soal Adibah sambil tersenyum.

"Mestilah... Tapi saya yakin yang menu kita ni pasti akan disukai ramai," Puteri berusaha memujuk dirinya sendiri walaupun dia tahu peserta yang lain juga tidak kurang hebatnya.

Surprise!!!

**"Alyana, bawa kek saya tu hati-hati."** kata Syahirah dengan nada sindiran, tatkala dia dan Alyana melintasi Adibah dan Puteri.

**"YA..."** Alyana menjawab ala kadar sahaja. Entah kenapa dia langsung tidak ada rasa semangat dengan pertandingan ini.

**"Cepat Alyana... Lepas ni giliran kita untuk ambil gambar pula!"** arah Syahirah dengan tegas. Sempat dia menjeling ke arah Adibah dan Puteri.

Puteri membuat mimik wajah menyampaikan. Terasa meluat pula melihat gelagat Syahirah.

**"YAKIN BOLEH MENANG LAH TU! BUAT KEK JE. ENTAH YA KE TAK KEK TU KEK SIHAT!"**



Puteri mendengus geram sebaik sahaja Syahirah dan Alyana berlalu.


"Rilakslah, Puteri... Semua orang ada harapan untuk menang. Menu kita pun dah siap kan? Lepas ni kita pulalah yang ambil gambar..." Adibah cuba menenangkan Puteri sambil menyimpan kembali baki bahan makanan yang dibawanya ke dalam bekas makanan.

Kemudian, Puteri dan Adibah membawa pinggan berisi *baked chicken with veggies* ke bilik sebelah untuk sesi mengambil gambar. Nampaknya sudah ada beberapa kumpulan mendahului mereka.

Puteri meletakkan makanannya di atas sebuah meja yang terdapat beberapa hidangan daripada kumpulan lain. Semuanya menunggu giliran untuk diambil gambar. Kemudian, dia dan Adibah menuju ke sudut untuk duduk sementara menunggu giliran mereka.

## Pertandingan bermula

Bab  
**9**



Giliran Syahirah dan Alyana baru sahaja selesai. Terus Alyana membawa kek sihat kumpulannya keluar dari bilik fotografi.

Syahirah berjalan memerhatikan makanan lain yang sedang menunggu giliran. Kemudian, dia memberi isyarat kepada Liew untuk melakukan tugasnya. Tanpa disedari sesiapa, Syahirah terus mengambil makanan kumpulan Adibah dan Puteri, lalu dibawa keluar. Liew pula cepat-cepat mengeluarkan hidangan menu yang diberikan Syahirah kepadanya tadi.

Syahirah memasukkan makanan itu ke dalam plastik. Dia perlu cepat sebelum orang lain nampak perbuatannya. Pinggan pula disembunyikan di bawah meja yang terdapat di kaki lima.

**"Lamanya! Awak buat apa lagi tu?"** Alyana muncul sambil dahinya berkerut.

Syahirah terkejut. Hampir sahaja plastik di tangannya tercampak.

"Lagi lama saya berkawan dengan awak ni, boleh kena sakit jantung tau tak!" Syahirah mengurut dadanya.

Alyana berdiam. Matanya memerhatikan plastik di tangan Syahirah.

"Plastik apa tu?" soal Alyana. Setahuanya, Syahirah tidak memegang apa-apa ketika di dalam bilik fotografi tadi.

**Tak ada apalah...  
Makanan je.**

Syahirah mendengus geram lalu terus berlalu. Namun, tingkah laku Syahirah membuatkan Alyana berasa curiga. Dia seperti dapat menghidu sesuatu, namun dia sendiri tidak pasti apakah yang berlaku.



Di dalam bilik fotografi, sesi mengambil gambar masih berlangsung. Puteri yang sedang duduk di sebelah Adibah, memerhatikan makanannya di atas meja. Kelihatan seperti ada sesuatu yang tidak kena.

Terus dia berjalan melihat hidangannya dengan lebih dekat lagi.

Alangkah terkejutnya Puteri apabila melihat menu makanannya sama sekali berlainan daripada apa yang dia dan Adibah sediakan tadi. Pinggannya juga berubah.

## “DD... TENGOK NI!”

Puteri kelihatan cemas. Liew yang sedang mengambil gambar, berasa tidak senang. Dia menelan liurnya dalam-dalam, berharap agar tiada sesiapa yang tahu itu ialah kerjanya.



Adibah lantas menghampiri Puteri. Dia melopong sebaik sahaja menghampiri Puteri, terkejut apabila melihat menu makanannya tidak sama seperti yang dihiasnya tadi.

## MACAM MANA BOLEH JADI MACAM NI?

Puteri mula gelisah.

Berkerut dahi Adibah. Hatinya mula runsing. Sebentar sahaja lagi giliran kumpulannya. Melihat Puteri yang sudah mula hendak menangis, Adibah menarik nafas dalam-dalam. Dia perlu bertenang. Perlahan-lahan Adibah mula memikirkan cara penyelesaian yang perlu dilakukannya.

“Kita ada masa lagi,” kata Adibah lalu megambil makanannya itu lalu dibawa ke bilik sebelah. Adibah mengeluarkan kembali baki bahan yang disimpannya tadi.

“Awak nak buat apa ni DD?” soal Puteri yang kebingungan.

Adibah tidak menjawab. Sebaliknya dia fokus dengan kerjanya kerana masa yang ada juga tidak lama. Dia mula mengeluarkan semua bahan di atas pinggan itu lalu dimasukkan ke dalam plastik. Pinggan yang sudah berminyak dan kotor itu, dibersihkan dengan menggunakan tisu.

"Awak nak hias semula menu kita? Tapi bahan-bahan ni cukup ke?" soal Puteri lagi.

## **"JANGAN RISAU, PUTERI. SAYA MEMANG BAWA LEBIH,"**

Adibah memandang Puteri sambil tersenyum dengan harapan Puteri akan kembali reda.

"Tapi sempat ke?" soal Puteri lagi.

"Awak serahkan semuanya pada saya ya," Adibah masih berlagak tenang. Namun, di hatinya juga bergelodak. Mujur dia tergerak hati hendak menyediakan bahan-bahan lebih. Rupanya, memang ada sesuatu yang tidak baik berlaku.


Melihat Adibah yang bersungguh-sungguh, Puteri terus membantu. Jika Adibah masih menaruh keyakinan untuk menyiapkan semula hidangan baharu, dia juga perlu ada semangat itu.



Kali ini, Adibah dan Puteri berjaya menyiapkan semula hiasan menu sihatnya dalam masa lima belas minit sahaja. Malah, hiasan menunya kali ini lebih kelihatan menarik berbanding tadi.

## **"ALHAMDULILLAH..."**

Puteri meraup wajahnya.



Tanpa menunggu lama, Adibah terus membawa makanannya ke bilik sebelah untuk diambil gambar.

"Adibah, Puteri... Makanan kamu dah siap ke? Cuma kumpulan kamu saja yang tinggal," soal Cikgu Fara.

Adibah mengangguk lalu dia meletakkan makanannya di atas meja. Liew yang melihat, agak terkejut. Rasanya, dia sendiri yang menukar makanan kumpulan Adibah dan Puteri. Dia juga nampak Syahirah membawa makanan Adibah dan Puteri keluar dari sini. Tapi, bagaimana pula Adibah dan Puteri berjaya mendapatkan kembali makanannya?

"Liew..." Cikgu Fara menepuk bahu Liew.

Liew yang terkejut, segera menoleh ke arah Cikgu Fara di sebelahnya.

"Awak tengok apa lagi tu? Cepatlah," ujar Cikgu Fara.

**"Baik cikgu!"** Tanpa menunggu lebih lama lagi, dia terus menjalankan tugasnya.


Setelah semuanya selesai, Puteri dan Adibah membungkus kembali makanan mereka untuk dibawa pulang. Mereka berasa lega kerana semuanya berjalan

dengan lancar walaupun mereka terpaksa menghias kembali makanan kumpulan mereka.

"Balik ni, saya nak tag semua kawan saya di KL untuk like gambar kita!" ujar Adibah yang sudah merangka langkah seterusnya.

**"SAYA PUN SAMA! KAWAN KELAS PIANO, JIRAN-JIRAN... OH YA, KAWAN TUISYEN PUN SAYA NAK TAG JUGA!"**

ujar Puteri juga sambil tersenyum.



Pertandingan sudah pun bermula dua jam yang lepas. Adibah dan Puteri dari tadi sibuk memegang telefon pintar masing-masing sambil duduk di bangku taman rekreasi berhampiran sekolah mereka. Berdebar pula dibuatnya. Mereka tidak sudah-sudah meminta rakan-rakan lain untuk klik like gambar menu mereka di facebook sekolah mereka.

Begitu juga dengan Alyana. Dari tadi jari-jemarinya begitu ligat bermain telefon pintar. Syahirah pula hanya duduk di sofa sambil menonton televisyen. Mulutnya pula tidak henti-henti mengunyah kek sihat yang dibawa pulang.

**"Awak jangan habiskan kek tu. Saya pun nak sikit!"** ujar Alyana yang dari tadi menjeling ke arah cheesecake yang semakin berkurangan.

**Tag sesiapa sahaja yang awak mahu. Asalkan kek sihat kita dapat paling banyak Like!**

Syahirah membulatkan matanya memandang Alyana.

"Ya..." Alyana bermuncung. Geram pula dengan Syahirah. Dia mahu semua orang like gambar makanannya, tetapi dia sendiri tidak buat apa-apa. Hanya tahu mengarah saja.

**“BUAT KERJA TU DULU!”**

Satu lagi arahan keluar dari mulut Syahirah.

Alyana menghela nafas berat. Sudah dua jam dia duduk sambil memegang telefonnya. Hinggakan dia sendiri tidak tahu siapa lagi yang dia mahu minta untuk like gambar kek sihatnya itu. Kalau tukang kebun sekolah ada facebook, tentu namanya juga akan ditag oleh Alyana.

**"Dengar baik-baik. Alyana. Saya gerahkan semuanya pada awak. Saya cuma mahu kita menang. Itu sahaja!"** ujar Syahirah satu-persatu sambil memandang Alyana.

Alyana memaksa dirinya untuk tersenyum. Geram sebenarnya. Nak menang, tapi dia sendiri tidak mahu bekerjasama. Dia menyerahkan bulat-bulat tugas untuk meraih like orang ramai kepada Alyana.

**"WELL... AWAK PUN TAU KAN YANG SAYA TAK AKTIF DI FACEBOOK. BORING..."** ujar Syahirah seakan tahu apa yang bermain di minda Alyana.

"Saya tak rasa kita boleh menang," kata Alyana perlahan, namun Syahirah masih tetap boleh mendengar dengan baik.

**"Boleh tak kalau nak bercakap tu, fikir dulu? Kita kan peserta! Awak perlu ada rasa untuk menang!"** Syahirah membeliakkan matanya memandang Alyana.

Alyana mencebik. Bila Syahirah sudah membeliakkan matanya, bererti, dia juga perlu berdiam.

Syahirah mengambil telefon pintarnya sambil tersenyum sinis teringatkan Adibah dan Puteri. Tentu mereka kalut sekarang ni atau menangis di bucu katil mengenangkan nasib makanan mereka yang langsung tiada sesiapa akan like.

**'Padan muka!'**

bisik hati Syahirah, puas.

Bab  
**10**


## Muslihat Syahirah Terbongkar



Hari ini, hari Ahad. Hari yang dinantikan oleh semua peserta Pertandingan Healthy Eating anjuran renjer puteri. Usai perhimpunan mingguan, semua ahli renjer puteri diminta untuk menunggu di dewan seketika untuk sesi penyampaian hadiah.

Semua peserta sudah bersedia. Masing-masing kelihatan tidak sabar. Walaupun mereka sudah tahu siapakah pemenangnya, namun mereka tetap mahu menantikan saat ini. Adat pertandingan. Ada yang menang, ada yang kalah.

Walaupun tidak menang, Cikgu Fara tetap menyediakan hadiah saguhati dan sijil penyertaan buat peserta.



Adibah dan Puteri berdiam. Dari tadi, dia hanya menunduk dan sesekali berbual berdua. Syahirah yang memerhatikan mereka berdua, tersenyum puas. Dia menyangkakan bahawa pesaingnya itu bermuram kerana gambar makanan mereka tidak berjaya meraih perhatian orang untuk like. Walhal, Adibah dan Puteri berdiam kerana mereka berdebar menanti nama mereka diumumkan sebagai pemenang nanti. Ya, setakat petang semalam, gambar makanan mereka paling banyak mendapat perhatian.

**"BAIKLAH... SEKARANG SAYA AKAN UMUMKAN PEMENANG TEMPAT KETIGA YANG MENERIMA LIKE TERBANYAK..."**

Pemenangnya jatuh kepada... Kumpulan Fatin dan Ain!" Cikgu Fara mengumumkan pemenang dengan penuh bersemangat.

Semua di situ memberikan tepukan yang gemuruh. Menu yang dibuat oleh kumpulan mereka adalah sandwic. Nampak macam biasa, tetapi sandwicnya mengandungi bahan yang cukup berkhasiat.



"Tempat kedua pula dimenangi oleh Tiara dan Amalina!" umum Cikgu Fara lagi. Kumpulan mereka membuat salad dan buah-buahan. Kalau lihat sahaja hiasan dan menu ringkas itu, sudah cukup menyelerakan.

**BERSEDIA ALYANA...**

bisik Syahirah sambil membetulkan tudungnya.

"Bersedia untuk apa?" soal Alyana pelik.

**"AMBIL HADIAH!"**

jawab Syahirah sambil menjeling Alyana.

"Syahirah..." Alyana cuba memberitahu sesuatu, namun Syahirah pantas meletakkan jarinya ke bibir Alyana.

**"SHHHHH!"**

**"Tempat pertama jatuh kepada..."** Cikgu Fara diam seketika. Sengaja mahu mendatangkan situasi gemuruh.

**"ADIBAH DAN PUTERI!"**

Adibah dan Puteri melonjak kegembiraan. Mereka berpelukan. Tepukan gemuruh kedengaran di dalam dewan mengiringi mereka untuk ke hadapan mengambil hadiah bersama pengetua sekolah.

"Cepat, Adibah!" Puteri nampak sungguh tidak sabar lalu menarik tangan Adibah.



Syahirah yang dari tadi bersiap-sedia hendak ke depan berasa sungguh terkejut. Wajahnya serta-merta berubah.


Melihat Adibah dan Puteri sedang mengambil hadiah di hadapan membuatkan Syahirah berasa sungguh geram. Dia memandang Alyana dengan wajah yang merah padam menahan marah. Alyana hanya menunduk.

Setelah sesi penyampaian hadiah selesai, semua pelajar sudah mula hendak beransur pulang ke kelas bagi sesi pembelajaran. Pengetua juga sudah berlalu pulang ke pejabat.

**"KEPUTUSANINI  
MEMANG TAK ADIL!"**

Kedengaran suara Syahirah yang sedang menahan Marah lalu dia terus mendapatkan Cikgu Fara.

"Cikgu... Macam mana Adibah dan Puteri boleh menang?" soal Syahirah.



"Apa maksud awak? Mereka memang layak menang. Menu mereka pun menepati syarat pertandingan dan ramai yang suka pada hiasan dan makanan mereka," jawab Cikgu Fara yang masih berlembut sambil memandang Syahirah.

**"Tapi makanan mereka tak sihat! Berminyak, salad yang dah layu..."** ujar Syahirah dengan penuh perasaan.

"Macam mana awak tahu makanan kami, makanan yang tak sihat?" soal Puteri.

Syahirah terdiam.

**"MACAM MANA PULA AWAK TAHU AYAM KAMI BERMINYAK... SALAD PUN LAYU?"** soal Puteri lagi.

Nampaknya Syahirah sudah terperangkap.

"Setahu saya, tak ada siapa pun yang tahu tentang hal ini. Kalau awak boleh tahu tentang makanan kumpulan kami bermakna..." Adibah mematikan kata-katanya.


Alyana yang mendengar terus teringat sesuatu. Dia nampak Liew memegang makanan yang sama seperti ciri-ciri yang Syahirah sebutkan tadi. Dia juga nampak makanan di dalam plastik yang dibawa Syahirah selepas selesai mengambil gambar.



**"AWAK TUKAR MAKANAN KUMPULAN CIK DIBAH DAN PUTERI?"**

suara Alyana yang kuat membuatkan semua yang masih berada di dewan, terdiam, terkejut. Cikgu Fara pula menekup mulutnya. Sungguh tidak sangka perkara sebegini boleh berlaku.

**"Saya nampak awak beri makanan tu pada Liew!"** sekali lagi Alyana menebak. Kali ini Syahirah tidak dapat mencari helah lagi.



"Apa yang berlaku sebenarnya ni? Cerita pada saya sekarang!" Cikgu Fara memandang Syahirah dengan penuh tanda tanya.

Syahirah menunduk. Tidak berani hendak bertentang mata dengan gurunya itu.

**“Se... Sebenarnya... saya minta Liew tukar makanan Dibah dan Puteri. Makanan sebenar kumpulan mereka, saya ambil bawa balik...”**  
Tergagap-gagap Syahirah memberitahu cerita sebenar.

Adibah dan Puteri yang mendengar berasa sungguh terkejut.

“Saya ugut Liew, kalau dia tak buat seperti yang saya suruh, saya akan sebarkan gambar dia didenda tempoh hari,” tambah Syahirah lagi.

Puteri tidak dapat menahan rasa marahnya. Dia menghampiri Syahirah.

## NASIB BAIK DD BIJAK!

“Tahu tak.... Dia bawa bahan hiasan lebih. Sebab itulah kami sempat menghias semula makanan kami. Awak memang teruk! Saya tak sangka awak sanggup buat macam ni!” Puteri meluahkan rasa kecewanya.



## “SYAHIRAH, AWAK KE BILIK GURU SEKARANG!..”


arah Cikgu Fara dengan tegas lalu terus berlalu keluar dari dewan.

Syahirah yang masih di situ memandang ke arah Alyana. Dia mengharapkan rakannya itu membantunya. Namun Alyana dengan sekeras hati, berpaling wajah. Tidak muhu memandang Syahirah yang dirasakannya sudah melampau.

**“Sebenarnya, saya dah agak semua ni memang kerja Syahirah. Cuma saya tak ada bukti.”** ujar Puteri sambil berjalan bersama Adibah menuju ke padang permainan.

“Saya pun tak sangka yang Syahirah ada niat tak baik pada kita.” Terbit rasa kesal di hati Adibah.

“Kan saya beritahu awak yang Syahirah tak boleh tengok orang lebih daripada dia. Apabila dia tahu awak pandai masak, dia pun nak tunjukkan yang dia pandai masak juga,” terang Puteri.



Adibah terdiam. Walau apa pun yang terjadi, dia bersyukur kerana segalanya berpihak kepadanya. Yang penting, kemenangan juga berpihak di sebelahnya.

Sedang mereka berjalan menuju ke sebuah bangku kosong di tepi padang, tiba-tiba Adibah terlihat keliatan seseorang sedang duduk di budian.

**"ITU ALYANA KAN?"** soal Adibah sambil menahan Puteri dari terus melangkah.



**ALYANA...**

Adibah menyapa lembut.

Alyana hanya menunduk. Malu hendak berdepan dengan Adibah dan Puteri.



**"SAYA MINTA MAAF SAYA TAK TAHU YANG SYAHIRAH SEBENARNYA ADA RANGANGAN NAK KENAKAN AWAK BERDUA. KALAU SAYA TAU, DARI AWAL LAGI SAYA TAK MASUK PERTANDINGAN NI!"**


Alyana masih tidak berani hendak memandang dua orang rakannya itu. Lebih-lebih lagi Adibah.

**"Tak apalah. Alyana. Bukannya salah awak. Kami tak marah pun."**  
Adibah memujuk, memegang bahu Alyana.

"Betul tu! Syahirah pun dah didenda tadi. Liew pun dah diambil tindakan. Dia perlu lakukan 10 kebaikan, untuk menebus balik apa yang telah dia lakukan. Kalau tidak, markah kokurikulumnya akan dipotong!" sambung Puteri dalam nada ceria untuk menukar emosi Alyana agar tidak lagi sedih.

**"Walau macam mana pun, Syahirah tetap kawan saya. Dia bukannya tak baik, tapi dia ada perasaan iri hati terhadap orang lain."** Alyana memberikan penjelasan.

"Saya harap, awak berdua janganlah bermusuh dengan Syahirah ya. Lepas ni saya akan pastikan perkara seperti ini tak akan berlaku lagi!" sambung Alyana lagi.



Lama Adibah dan Puteri terdiam. Ada benarnya juga. Syahirah sudah pun menerima balasan atas perbuatannya. Tidak perlu untuk mereka bermusuh.

"Ada satu lagi rahsia yang semua orang tak tahu." Kali ini Alyana berani memandang Adibah dan Puteri.

**"SEBENARNYA, SYAHIRAH TAK PANDAI BUAT KEK PUN..."**

Alyana membuat pengakuan.

"Cheesecake yang dia bawa hari tu..." Alyana teragak-agak hendak meneruskan kata-katanya.

"Dia beli dari Bake House Cafe, kan?" Adibah terus menyambung ayat Alyana yang tergantung.

Masing-masing berdiam dan kemudian, mereka ketawa serentak.





1254 likes

**PUT3\_666:** "Ini kek sihat untuk pertandingan tu? Tak nampak macam kek sihat pun!"

**DIVA\_SYIRAH1234:** "Tolong sikit! Bahan-bahan resipi saya ni semuanya organik dan menyihatkan tau!"

DD, seorang *instafamous* yang sering memuat naik gambar makanan di Instagramnya sedia menyahut cabaran mastercef ini! Tapi, biasalah... Ada saja yang busuk hati! Siapa lagi kalau bukan Syahirah tu. Ada saja rancangan jahatnya untuk jatuhkan, DD. Mampu ke DD menangkis setiap rancangan Syahirah sekaligus menghasilkan menu mastercef paling sihat dan cantik?

Nak jadi mastercef bukanlah mudah!

Cuba tengok ni.

Seorang mastercef  
kehilangan:

- ♥ Tahu memilih bahan makanan terbaik. ✓ 
- ♥ Kuasai skil memotong bahan yang hebat! ✓ 
- ♥ Boleh mengolah dan mencipta resipi baru. Wow! ✓
- ♥ Cipta resipi sihat? Boleh!! ✓

♥ Boleh menghasilkan hiasan makanan yang cantik! ✓ 



Sem. Malaysia RM14.00  
Sabah & Sarawak RM15.00

Product Generic Price Code



9 555698 610730



Ana Muslim Sdn Bhd (842621-K)

12, Jalan 3/4C, Desa Melawati, 53100, Kuala Lumpur.

Tel: 03-4106 9119 • Faks: 03-4106 6119

[anamuslimshop.com.my](http://anamuslimshop.com.my) [/anamuslimofficial](https://www.facebook.com/anamuslimofficial) [@anamuslim.my](https://www.instagram.com/anamuslim.my)

AnaMuslimTV

SNG 13



9 789674 499051

Hak Cipta Terpelihara © Ana Muslim Sdn Bhd.

Tidak dibenarkan mengulang manula-mana bahagian, ilustrasi dan/atau kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain tanpa izin berlaku daripada Ana Muslim Sdn Bhd. Perundung tertatuk kepada perkiraan royaliti atau honorarium.